



MAJLIS KONVOKESYEN

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

KE-

15

17 hingga 20 Mei
14 hingga 17 Mei

Dewan Jubli Perak Sultan
Kuantan, Pahang Darul

#129 ASIA
IN WORLD UNIVERSITY
RANKING 2022



[Convocation](#)

2 graduan sarat hamil hadir majlis konvo UMP

21 March 2022

KUANTAN 19 Mac 2022 - Dua orang graduan yang sarat mengandung mencuri perhatian apabila berpeluang menghadiri Majlis Konvokesyen Ke-15 UMP bertempat di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan hari ini.

Nur Syafiqah Suardi, 26 merupakan graduan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Farmaseutikal) yang sedang mengandung anak sulung itu dijangka akan bersalin pada 31 Mac ini.

Ujarnya, walaupun menghitung hari, Alhamdulillah beliau masih berpeluang untuk meraikan hari konvokesyen yang telah lama dinanti.

“Hampir dua tahun menanti majlis ini dan tidak sangka akan naik pentas dengan berbadan dua untuk menerima ijazah.



“Pada awalnya, saya agak serba salah juga untuk hadir dengan keadaan sarat di samping khuatir dengan risiko wabak Covid-19.

“Namun, saya tawakal dan mengikut SOP yang telah ditetapkan dan merasakan ia adalah hadiah terindah sebelum bersalin,” kata graduan Sarjana Muda Pengurusan Industri itu.

Manakala Nur Alfira Nabila Md Bukhari, 25 yang juga hamil 34 minggu amat teruja dan sanggup hadir ke majlis ini kerana tidak mahu melepaskan peluang untuk sama-sama meraikan hari graduasi ini rakan-rakan.



“Dengan menghadiri majlis konvokesyen ini, saya anggap ia sebagai ganjaran perjuangan selama empat tahun bersama rakan-rakan dalam menuntut ilmu di UMP.

“Kejayaan ini juga ingin saya hadiahkan kepada kedua ibu bapa, keluarga dan suami yang telah

banyak berkorban sepanjang menyambung pengajian di UMP,” katanya yang dijangkakan bersalin pada penghujung April nanti.

Disediakan oleh: Nor Salwana Mohd Idris, Unit Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor (PNC)

TAGS / KEYWORDS

[Farmaseutikal](#)

[KONVOKESYEN](#)

- 617 views

[View PDF](#)